



# Kumpulan LEGO telah meluaskan pejabat di Singapura untuk menyokong pertumbuhan di Asia

Pejabat induk yang baharu di Singapura merupakan satu lagi detik penting dalam proses globalisasi Kumpulan Lego. Ini sejajar dengan strategi syarikat untuk memberi lebih ramai kanak-kanak di seluruh dunia pengalaman bermain yang kreatif.

*Singapura, 4 Disember:* Hari ini, Kumpulan LEGO membuka kemudahan baharu bagi pejabat di Singapura secara rasmi - salah satu daripada lima pejabat induk syarikat ini di seluruh dunia. Terdapat 220 pekerja LEGO di pejabat Singapura dan bilangan ini semakin meningkat sejak beberapa tahun yang lepas. Pejabat baharu itu mampu menempatkan 400 pekerja LEGO dan ini membolehkan Kumpulan LEGO melaraskan jangkaan pertumbuhan pada masa akan datang.

Kami memerlukan tempat baharu dan lebih luas kerana Kumpulan LEGO telah mencapai pertumbuhan dua angka secara global sejak sepuluh tahun yang lalu, antaranya di Asia.

*"Kami berhasrat untuk memberikan pengalaman bermain LEGO yang kreatif kepada kanak-kanak di seluruh dunia dan membolehkan mereka membesar dan belajar dengan permainan kreatif. Untuk mencapai matlamat itu, kami perlu berada di seluruh dunia dan menarik pekerja yang mahir di banyak lokasi. Dengan ini, Asia merupakan pemacu pertumbuhan yang penting. Pejabat induk kami di Singapura ialah salah satu elemen penting untuk membantu kami memenuhi hasrat global kami. Saya teruja kerana kami mempunyai tempat yang cukup besar untuk menampung bilangan pekerja yang semakin bertambah ini,"* ulas Chief Commercial Officer bagi Kumpulan LEGO, Loren I. Shuster.

Kesedaran LEGO di Asia yang semakin meningkat akan disokong dengan kilang yang sedang dibina oleh Kumpulan LEGO di Jiaxing, China. Baru-baru ini, kilang tersebut telah membungkus set LEGO yang pertama dan apabila kilang ini beroperasi sepenuhnya, kilang ini akan menghasilkan bilangan besar produk LEGO® untuk Asia.

*"Kami telah mengalami pertumbuhan pesat di Asia dan dengan kilang kami di rantau tersebut, kami boleh menyediakan pengalaman bermain LEGO kepada lebih ramai kanak-kanak. Kilang di Jiaxing akan beroperasi dengan piawai global yang sama dengan kemudahan pengeluaran kami yang lain kerana semua produk LEGO harus mengikut keperluan kualiti dan keselamatan global yang amat ketat",* kata Loren I. Shuster lagi.



### Cara bekerja yang baharu

Asia menjadi rantau yang penting kerana dua daripada lima pejabat induk Kumpulan LEGO terletak di Asia. Sebagai pejabat pertama di rantau ini, pejabat baharu di Singapura telah menggunakan cara bekerja yang baharu yang dinamakan Bekerja Berdasarkan Aktiviti. Cara ini telah diperkenalkan semasa acara pembukaan pejabat induk di London pada tahun 2014.

*“Di Kumpulan LEGO, kami sedar bahawa kunci kejayaan kami ialah pendekatan yang kami ambil sebagai sebuah syarikat untuk tidak “membahagikan” perniagaan ini. Kami mempunyai struktur korporat yang amat rata. Kami menggalakkan pekerja untuk berfikir “secara menyeluruh” supaya dapat memaksimumkan faedah keseluruhan dan bukan setakat yang terbaik untuk sesetengah individu atau pasukan. Cara bekerja kami yang baharu – Bekerja Berdasarkan Aktiviti – memudahkan dan memupuk semangat bekerjasama dalam syarikat dan ini merupakan kunci budaya korporat kami”, kata Senior Vice President & Head of Asia-Pacific bagi Kumpulan LEGO, Marko Ilincic.*

### Perihal pejabat di Singapura:

- Pejabat induk di Singapura menempatkan pekerja daripada pelbagai jabatan global, antaranya, Pemerolehan, IT, Kewangan, Hal Perundangan dan HR serta pengurusan bagi LEGO Asia Pasifik.
- Pejabat ini terletak di dalam bangunan komersil South Beach Tower, 38 Beach Road di Kawasan Teluk pusat Singapura.
- Pejabat LEGO ini sebesar tiga tingkat dan seluas 56,481 kaki persegi. Ini hampir tiga kali ganda saiz pejabat Singapura yang terdahulu.
- Pejabat baharu ini mengandungi ruang untuk 400 pekerja LEGO berdasarkan susun atur pejabat yang sedia ada. Sebanyak 220 pekerja LEGO bekerja di pejabat tersebut buat masa ini.

### Pejabat

Walaupun Kumpulan LEGO diwakili dengan baik di seluruh dunia oleh pejabat jualan tempatan selama beberapa tahun, pada 2013, Kumpulan LEGO telah memperkuuh semula komitmennya untuk mengglobalisasikan syarikat tersebut dengan mengumumkan tentang perkembangan dan penubuhan beberapa pejabat induk. Kumpulan LEGO mempunyai lima pejabat induk di seluruh dunia:

- Billund, Denmark (Ibu pejabat)
- Enfield, Connecticut, AS
- London, UK
- Shanghai, China
- Singapura



**Kemudahan penghasilan:**

- Kumpulan LEGO memiliki dan mengendalikan kilang di
  - Billund, Denmark
  - Monterrey, Mexico
  - Nyíregyháza, Hungary
  - Kladno, Republik Czech
- Pada April 2013, pembinaan kilang LEGO telah dimulakan secara rasmi di Jiaxing, China, 120 km selatan Shanghai. Kilang tersebut akan membekalkan produk LEGO untuk seluruh Asia.

**Untuk maklumat lanjut:**

Roar Rude Trængbæk  
LEGO Group Press Officer  
Tel: +45 7950 4348  
Mel: [Media@LEGO.com](mailto:Media@LEGO.com)

**Singapore contact:**

Kathrine Bisgaard Vase  
Senior Communication Manager,  
Tel: +45 5319 4739  
Mel: [Kathrine.bisgaard.vase@LEGO.com](mailto:Kathrine.bisgaard.vase@LEGO.com)

**Mengenali Rangkaian LEGO**

LEGO merupakan sebuah syarikat milik persendirian milik keluarga dan mempunyai Ibu Pejabat di Billund, Denmark, selain daripada itu, pejabat-pejabat utama juga terdapat di Enfield, Amerika Syarikat, London, UK, Shanghai, China dan Singapura. Ditubuhkan pada tahun 1932 oleh Ole Kirk Kristiansen, dan berdasarkan simbol bata LEGO® ia merupakan salah satu pengeluar barang permainan terkemuka di dunia.

Berlandaskan kata-kata semangat dari syarikat: "Hanya yang terbaik adalah mencukupi", syarikat ini begitu komited ke arah perkembangan kanak-kanak dan bermatlamat untuk mencungkil dan mengasah bakat bakal-bakal pembina pada masa akan datang, menerusi kreativiti dan pembelajaran daripada produk LEGO yang dijual di seluruh dunia dan hampir dapat diteroka melalui laman web: [www.LEGO.com](http://www.LEGO.com).

Bagi mendapatkan maklumat lebih lanjut dari rangkaian LEGO, mengenai prestasi kewangan serta tanggungjawab penglibatan kami, sila layari [www.LEGO.com/aboutus](http://www.LEGO.com/aboutus).

LEGO, logo LEGO, yang Minifigure, DUPLO, LEGENDS OF CHIMA, Ninjago, BIONICLE, Mindstorms dan Mixels adalah tanda dagangan Rangkaian LEGO. © 2015 LEGO Group.